

APEC
2005 KOREA



GAMBAR KENANGAN: Abdullah bergambar bersama (dari kiri) Presiden Vietnam, Tran Duc Luong; Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong; Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah; Presiden Amerika, George W Bush; Presiden Indonesia, Susilo Bambang Yudhoyono; Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo; Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra dan Setiausaha Agung Asean, Ong Keng Yong pada mesyuarat pemimpin Asean sebelum Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), di Busan, semalam.

Kecapi kekayaan bersama: Abdullah

BH- 19/11/2005

Malaysia mahu program bina upaya negara membangun diberi tumpuan



MALAYSIA menggesa negara maju tidak hanya mengutamakan kepentingan mereka dalam rundingan perdagangan bebas tetapi memberi penekanan kepada program membina upaya di negara membangun supaya kekayaan yang dijana liberalisasi perdagangan, dapat dikecapi bersama.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang membuat saranan itu pada Sidang Kemuncak Ketua Negara Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) berkata, walaupun rundingan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) bertujuan membawa kemakmuran dunia, mesti ada usaha bagi memastikan kesaksamaan kepada semua negara anggota.

Katanya, ketika ini tidak semua negara mampu jadi pedagang, mempunyai barang secukupnya untuk dieksport atau mampu membeli barang dari negara lain dan ini tidak membawa keadilan kepada negara berkenaan.

"Pada akhir rundingan, saya menekankan bahawa semua yang dipersetujui harus melambangkan keadilan dan kesaksamaan di semua negara," katanya pada sidang akhbar selepas perjumpaan pertama ketua negara 21 anggota Apec di sini, petang semalam.

Mesyuarat semalam banyak menumpukan kepada isu perdagangan bebas terutama berhubung Mesyuarat Menteri Perdagangan WTO yang akan diadakan di Hong Kong bulan depan, yang disifatkan sebagai penting kepada masa depan perdagangan bebas.

Abdullah ditanya mengenai keengganan Kesatuan Eropah (EU) berganjak daripada pendirian pengura-

ngan subsidi pertanian yang menjadi halangan besar kepada rundingan WTO di Hong Kong bulan depan.

Perdana Menteri berkata, keengganan EU menjadi satu masalah besar di kalangan semua anggota Apec termasuk Amerika Syarikat yang bercanggah pendapat dengan Eropah berhubung isu terbabit.

"Kini terserah kepada (negara) Eropah. Dalam rundingan seperti WTO, mesti ada tolak ansur. Memberi dan menerima adalah sangat penting," katanya yang berharap keputusan di Apec 2005 dapat mempengaruhi EU dalam mesyuarat WTO kelak.

Abdullah juga memberitahu, pemimpin Apec yang turut dianggotai ekonomi besar seperti Amerika Syarikat, Jepun, China dan Korea Selatan, negara maju harus memikirkan program membina upaya negara sedang membangun.

"Kita perlu memahami sebelum ada barang untuk dijual, perlu ada kilang. Tanpa kilang, tiada pelaburan

dan tiada barang dihasilkan untuk dijadikan barangan perdagangan," katanya.

Perdana Menteri berkata, negara membangun mesti diberi peluang, dan dibantu dalam meningkatkan ke mahiran, mendapat ilmu bidang sains dan teknologi, latihan serta pelajaran selain pembangunan infrastruktur.

"Hanya apabila program bina upaya dapat dilaksanakan, baru ada pelaburan, tubuh kilang dan barang yang hendak dihasilkan sebagai barangan perdagangan sekali gus negara itu dapat mengambil peranan dalam proses perdagangan bebas," katanya.

Beliau mengumpamakan bantuan kepada negara membangun seperti permainan golf.

"Mesti ada 'handicap' sikit kerana dalam permainan yang adil... yang kurang cekap mesti ada kelebihan. Kalau semua sama rata... tak adil baik tak usah main, memang akan kalah," katanya.